

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keseluruhan Kajian Impak Alam Sekitar (Enviromental Impact Assessment) yang diperakui di Pulau Pinang sepanjang 5 tahun yang lalu. Nyatakan nama projek dan syarikat yang melakukan EIA tersebut.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), sepanjang lima tahun dari tahun 2010 sehingga September 2014, sebanyak 91 Laporan EIA telah diperakukan di Pulau Pinang.

Nama projek dan syarikat yang menjalankan EIA tersebut adalah seperti berikut:

**Senarai Nama Projek dan Syarikat yang diperakukan Laporan  
EIA oleh JAS adalah seperti berikut:-**

<b>NO.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PEMAJU PROJEK</b>
1	Proposed Public Recreational Development On Land To Be Reclaimed At Petak A Next To Lot 15739, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Ideal Gim Venture Sdn.Bhd.
2	Proposed Penang Science Park li Mix Development At Bukit Minyak, Mukim13, Daerah Seberang Perai Selatan (Mengzonkan Kawasan Yang Telah Diluluskan Untuk Kediaman,Komersial Dan Institusi Kepada Kegunaan Industri)	Penang Development Corporation
3	Proposed Hotel Development On Lots 129,748 & 749, Seksyen 14, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town Pulau Pinang	Bintang Holdings Sdn.Bhd.
4	Proposed 33 MW Gas Turbine Co-Generation System On Lot 2812 At Toray Industrial Complex, Perai, SPT Pulau Pinang	Gas Malaysia Energy Advance Sdn.Bhd.
5	Proposed Hotel Redevelopment On Lot 3600, Jalan Tanjung Bungah, Bandar Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Cophorne Orchid Penang Sdn.Bhd.
6	Proposed Seri Tanjung Pinang (Phase 2) Development, Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	Tanjung Pinang Development Sdn Bhd
7	Proposed Upgrading Of The Bayan Baru Regional Plant (PEG 061) Pulau Pinang	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
8	Self Assessment Untuk Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Bagi Cadangan "Proposed Capacity Expansion of Existing Waste Recovery Facility On Plot 169, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Bukit	Nasdeem Ventures Sdn.Bhd.

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
	Minyak Industrial Park,Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	
9	Proposed Expansion Of Existingwaste Recovery Facility Onplot 157A,Jalan Perindustrianbukit Minyak 7, Bukit Minyak industrial Park, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Century Surf Sdn.Bhd.
10	Proposed Waste Recovery Facility On No.734, Lorong Perindustrian Bukit Minyak 13, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Zheng Guan Industries Sdn.Bhd
11	Proposed Rock Crushing For Proposed Residential Development On Lots11936-11973, 11975-11981 And 11984-12024 (Old Lot 8134), Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang Oleh Pph Resorts(Penang) Sdn. Bhd	Pph Resort (Penang) Sdn.Bhd.
12	Supplementary Environmental Impact Assessment For Proposed Revised Process Of Sand Mining On Lots 200,204,246, 247,248,249 And 408 In Mukim 3 & Lots 859, 860, 1009, 1012, 1013, 1014,1055,1056,1072,1086,1087,1174,1175,1176,1177,1178,1179,1180,1181,1182,1183,1184 Mukim 4, Daerah Seberang Perai Selatan	Kebun Ngohoch (Pw) Sdn.Bhd
13	Proposed Commercial Development On Lots 303 & 340, Seksyen 1, Bandar Batu Feringghi, Daerah Timur	Prinsiptek Properties Sdn.Bhd.

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
	Laut, Pulau Pinang	
14	Proposed Granitic Quarry Operation On Lot 1545, 833 & PT9 Measuring 36.62 Acres (14.78 Ha), Mukim 12, Perai Tengah, Pulau Pinang	Batu Tiga Quarry Sdn.Bhd.
15	Proposed Penang Science Park li Mix Development At Bukit Minyak, Mukim13, Daerah Seberang Perai Selatan	Penang Development Corporation
16	Proposed Prai 1071 Mw Combined Cycle Gas Turbine (CCGT) Project, Penang	TNB Prai Sdn.Bhd.
17	Proposed Mixed Development On Lots 67,72,243,322,324, 377,378 Mukim 2 And Lots 7-11,25-27,1340,1344,1438 Mukim 15 Daerah Seberang Perai Selatan	Asas Dunia Berhad
18	Proposed Mobile Crusher Plant For Construction Project	Ivory Villas Sdn.Bhd
19	Proposed Additional Of Scheduled Waste Code And Capacity For The Existing Scheduled Waste Recovery Facility At Plot 191, Lorong Perindustrian Bukit Minyak 13, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Hsb Reclaimed Rubber Sdn Bhd
20	Proposed Quarry Activity On Lots 103,144,275 276, 277,278 And Part Of Lots 143, Batu Kawan , Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Zambina Wawasan Sdn Bhd

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
21	Proposed Development Quarry Operation On Blasting And Crushing On Lot 5784 Measuring 11.55 HA Jalan Teluk Tempoyak, Batu Maung Pulau Pinang	Vienna View Sdn. Bhd.
22	Proposed Mixed Development On Lots 3407-3423, Mukim 15, Mukim 15 Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Tppt Sdn.Bhd
23	Proposed Quarry Activity On Lot 176, Part Of Lot 125, Part Of Lot 248 And Lot 1449, Mukim13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Pdc Nusabina Sdn. Bhd.
24	Leader Steel Sdn Bhd 'Proposed Steel Billet Plant In Valdor Industrial Estate, Daerah Seberang Perai Selatan, Mukim 12, Penang'	Leader Steel Sdn Bhd
25	Proposed Waste Recovery Facility Di Atas Plot 40, Mukim 1, Prai Industrial Estate, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Mmp Resources Sdn. Bhd
26	Proposed Waste Recovery Facility Plot 234 Jln Bkt Minyak 7,SPT	Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd.
27	Proposed Expansion Of Waste Recovery Facility From 600 TPM to 1200 TPM	Five Good Recycling (M) Sdn.Bhd
28	Proposed Mixed Development On Lots 841 And 842 Mukim 2, Daerah Barat Daya Pulau Pinang	Senja Aman Development Sdn.Bhd
29	Proposed Quarry Activity On Lots 103,144,275 276, 277,278 And Part Of Lots 143, Batu Kawan , Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan	Zambina Wawasan Sdn Bhd / PDC

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
	Pulau Pinang.	
30	Proposed Rubber Wastes Recovery Facility On Part Of PT No. 480(Plot 53) Tingkat Perusahaan 6, Phase 4, Prai Industrial Estate, Seberang Perai Tengah	Durasafe Sdn.Bhd
31	Proposed Strata-Titled, Gated And Guarded Housing Scheme On Lot 14345, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Sunway City (Penang) Sdn.Bhd
32	Proposed Additional Ofscheduled Waste Code And Capacity For Existing Scheduled Waste Recovery Facility At No 1472 Prai Industrial Estate, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Shan Poornam Global Sdn Bhd
33	Proposed Sand Mining, Earth And Rock Extraction On Lots 200,204,246,247,248,249 And 408 In Mukim 3 And Lots 859,860,1009,1012,1013,1014,1055, 1056,1072,1086,1087, 1174,1175,1176,1177,1178,1179, 1180,1181, 1182,1183,1184in Mukim 4, Daerah Seberang Perai Selatan	Kebun Ngohoch (Pw) Sdn.Bhd
34	The Proposed Upgrading Of Ampang Jajar Transfer Station At Seberang Prai Pulau Pinang	Eurasia Express Sdn.Bhd
35	The New Township Of Batu Kawan, Mukim 13, Seberang Perai Selatan	Penang Development Corporation
36	Proposed Rubber Wastes Recovery Facility On Lot Pt 1381, Lorong Perusahaan 12, Prai Industrial Estate,	Tristar Orient Sdn.Bhd

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	
37	Proposed Expansion Of Recovery Facility Plot 234 Jln Bkt Minyak 7, Seberang Perai Tengah	Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd.
38	Proposed Waste Recovery Expansion On Lots 212C At Bukit Minyak Industrial Park, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Kumaran & Company Sdn Bhd
39	Proposed Development Quarry Operation On Lots 1023, 1779 And 5784 Measuring 19.809 Ha, Jalan Teluk Tempoyak, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Vienna Home Sdn. Bhd.
40	Proposed Additional Of Scheduled Waste Codes And Capacity For The Existing Scheduled Wastes Recovery Facility At No 773 Lorong Perindustrian Bukit Minyak 16, Bukit Minyak Industrial Park, Seberang Perai Tengah	Clm Conservation(Pg) Sdn. Bhd.
41	Granite Quarry Operation On Lot Pt97 (856), Mukim 20, Seberang Perai Tengah, P.Pinang	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd
42	Proposed Recovery Of Additional Types Of Scheduled Wastes At No. 1001, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Spt P.Pinang	Cycle Trend Industries Sdn.Bhd
43	Proposed Recovery Facility For Waste Code Sw 104 On Plot 167b, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Bukit Minyak Industrial Park	Y.P Cheah Enterprise (M) Sdn.Bhd



<b>NO.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PEMAJU PROJEK</b>
44	Granite Quarry Operation Onlots 89, 90, 94, 3575 And 3576, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Tgg (Tanjung Bungah) Sdn. Bhd.
45	Permohonan Cadangan Membina Bangunan Hotel Di Atas Lot 499, 500, 2228, & 2229, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	Kl Metro Land Development
46	Granite Quarry Operation On Lots 175,178,179, 180,1442,1444, 1445, 1448, 1451, 1452 Seberang Perai Tengah	Foo Yen Soo & Sons Sdn. Bhd
47	Granite Quarry Operation At Lots 229, 239, 248, 250, 254, 260, 908, 909, 910, 1479, 1480, 1488, 1489, 1490, 1491, 1492, 1493, 1937 & 1938, Mukim 17, Seberang Perai Tengah,P.Pinang.	Weng Lee Granite Quarry S/B
48	Recovery Facility For Contaminated Oil Filters (Code SW410)	Five Good Recycling (M) Sdn.Bhd
49	Proposed Housing Development On Lots 583,590,591, 592, 1639, 1640, 1686,1725, 1727, 1728, 1729, 1768, 1781, And 1789, Seberang Perai Tengah	Manda'rina Sdn.Bhd
50	Granite Quarry Operation On Lots 647,648,652,653,859,861,865,1391,1394, 1509 And Pt43, Mukim 20, Seberang Perai Tengah.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.
51	Proposed Mixed Development In Mukim 14, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Dedikasi Mesra Sdn. Bhd.

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
52	PEIA For Cadangan Skim Perumahan Berhakmilik Strata Berpagar Dan Berpengawal (Gated & Guarded) Di Atas Lot 296, 302, 306, 1278,1282, 1283, 1285,1287,1288, 1460-1465, 1675, 1713, 1714, 2343 , 2346, PT 6581,PT 6582, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Jalan Teluk Tempoyak	Orion Vibrant Sdn.Bhd
53	Proposed Housing Development On Lots 3622,3624,3625 & 3626 Persiasaran Halia 3, Daerah Timur Laut, Jalan Mount Erskine, Pulau Pinang	Aspen Vision Ventures Sdn.Bhd.
54	Proposed Housing Development On Lot 3618, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Jalan Mount Erskine, Pulau Pinang	Visentak Capital Sdn.Bhd.
55	Proposed Mixed Residential On Lot 28 And Part Of Lots 403 & 728, Section 2, George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang"	Berjaya Land Development Sdn.Bhd
56	Proposed Housing Development On Lots 865, 866.873, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Penang Development Corporation (Pdc)
57	Proposed Resindial Development (Rimbun Residence) On Lots 2,331,540,541,618 & 646 Jalan Bukit Genting Mukim 7, Daerah Barat Daya, Balik Pulau Pulau Pinang	Setia Promenade Sdn.Bhd
58	Proposed Development On Lot 216, Seksyen 13, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang" Oleh Brightstone Tyres Sdn. Bhd.	Brightstone Tyres Sdn. Bhd.

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
59	"Proposed Penang World City Development In Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang" Oleh Tropicana Ivory Sdn. Bhd.	Tropicana Ivory Sdn. Bhd.
60	Proposed Development On Part Of Lot 1769, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Kuntum Bina Sdn.Bhd. (958729-A)
61	Proposed Residential Development	Blossom Acacia Sdn.Bhd.
62	Proposed Mixed Development On Parcel A, Bayan Muriara, Persiaran Bayan Indah, Mukim 13, Daerah Tirnur Laut, Pulau Pinang	Tropicana Ivory Sdn.Bhd
63	Proposed Housing Development On Lots 1188,1189,1190 And 1191 Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Dynasty Palace Sdn.Bhd
64	Cadangan Proposed Housing Development Di Atas Lot 863, 1255 & 1343, Seksyen 1, Bandar Air Itam, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Ong Han Meng Woodwork Sdn. Bhd.
65	Cadangan Pembangunan Sebahagian Lot 17324 (Lot Lama 16796) Lot 16797 (PT6331) & Sebahagian Lot 11930, Mukim 12 DBD, Persiaran Kelicap, Pulau Pinang	Setia Promenade Sdn.Bhd
66	Proposed Residential Development On Lot 998, & 40 Mukim 11, Daerah Barat Daya, Lengkok Kelicap Pulau Pinang	Reka Indah Development (Penang) Sdn.Bhd

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
67	Proposed Mixed Development On Lot 67,68,69,70 & 89 Mukim 7 And Lot 279,611,612,613,614,657, & 658, Mukim 1, Jalan Pulau Betong, Daerah Barat Daya Pulau Pinang	Associated Circle Sdn.Bhd Sunway City (Penang) Sdn.Bhd
68	Proposed Development On Lot 6400, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang"	Jurus Positif Sdn. Bhd
69	Mixed Development On Part Of Lot 2921, Jalan Bukit Gambir, Mukim 13, Daerah Timur Laut	Gambier Sanctuaries Sdn.Bhd
70	Proposed Residential Development On Lot 378,267, And Lot 483 (Pt2) 103,693 Mukim 5, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Setia Promenade Sdn. Bhd.
71	Proposed Housing Development On Lots 1262-1265, 1667 And 1668, Mukim 15, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang	Asas Dunia Sdn. Bhd.
72	Proposed Residential Development On Lot 11930 And 70046 Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pesiaran Kelicap, Pulau Pinang	Setia Promenade Sdn. Bhd.
73	Cadangan Skim Perumahan 39 Blok Rumah Pangsa 5 Tingkat (390 Unit) Diatas Lot 1204(Lot Asal Sebahagian Lot 31) Lot 439,478,479,553,908 Dan Lot 942 Mukim 17 Jalan Sungai Satu, Bandar Batu Feringgi.	Uptrend Housing Development Sdn.Bhd

NO.	NAMA PROJEK	PEMAJU PROJEK
74	Proposed Mixed Residential Development Lots 425-458, 461-499 And 586, Seksyen 2, Bandar Batu Feringgi, Daerah Timur Laut	Island Bay Resort Sdn.Bhd
75	Proposed Housing Development On Lots 484, Seksyen 1, Bandar Batu Feringgi, Daerah Timur Laut	Uplands Green Sdn.Bhd
76	Cadangan Pembangunan Untuk Lot 634,635 & 20002 Mukim 20, DBD, Changkat Sungai Ara 6, Pulau Pinang	Kewira Jaya Sdn.Bhd
77	Proposed Housing Development On Lot 289,Seksyen 2, Bandar Batu Feringgi, Daerah Timur Laut	Encorp Development Sdn.Bhd
78	Proposed 1 Block 37 Storey Complex On Lot 285 (New Lot 3407), Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Plenitude Bayu Sdn.Bhd
79	Proposed Housing Development On Lots 1138 And 1146 Mukim 15 Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	Sunrise Manner Sdn.Bhd
80	Cadangan Pindaan Kepada Kebenaran Merancang Yang Telah Diluluskan No JPB/PM2689(LB)[JPB/KM/2988/A] Bertarikh 8/3/2001 Diatas Lot 1530-1583, 1598-1802,1804,1807 Hingga Lot 1821(Lot Lama 202,236,403,516,711,712,713,714,715,761,765,80,981,982 & 983 Mukim 11 , DBD PP	TPPT Sdn.Bhd

<b>NO.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PEMAJU PROJEK</b>
81	Proposed Housing Development On Lot 904, Seksyen 2, Bandar Batu Feringgi And Lot 622 Mukim 17 Batu Feringgi	Plenitude Bayu Sdn.Bhd
82	Proposed Development On Lot 290, Mukim 13, Jalan Bukit Gambir, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Affin-I Goodyear Sdn.Bhd
83	Proposed Housing Development On Lot 56, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi, Jalan Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	BAT Group Sdn.Bhd
84	Proposed Six-Story 75-Unit Apartment Block Including An Underground Basement A Clubhouse And A Restoran On Lot 408 Seksyen 19 Bandar George Town	PDC Heritage Hotel Sdn.Bhd
85	Proposed 2 Blocks Of High Cost Apartments 13 And 15 Storey Consisting Of 17 Unit Suites 3 Story Podium, 22 Unit Suites Tower A(11 Storey), 26 Unit Suites Tower B(13 Storey) 1 Storey Basement Car Park.	MRCB Sentral Properties Sdn.Bhd
86	Proposed Housing Development On Lots 471, And 472 Mukim 17, Batu Feringgi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Elegance Sonata Sdn.Bhd
87	Development On Lots 103,267 And 378 Mukim 5, Daerah Barat Daya, Lebuhr Relau. P.Pinang	Pearl Cosmos Sdn. Bhd.

<b>NO.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PEMAJU PROJEK</b>
88	Proposed 17 Units Of Housing Development On Lots 9453 And 9630, Mukim 13, Daerah Timur Laut	Perumahan I & P Sdn. Bhd.
89	Proposed Development Of 19 Apartment Units On Lot 318 Daerah Timur Laut , Pulau Pinang	Desanova Development Sdn.Bhd
90	Proposed Mixed Development On Lots 147, 226, 330 And 634, Mukim 2, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Asas Dunia Sdn. Bhd.
91	Proposed Housing Development On Lots 405, 2303,638,639,640, And 641, Mukim 11 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	Mutiara Premier Sdn. Bhd.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK HAJI SHABUDIN BIN  
DARIPADA YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program memperkasakan Bahasa Kebangsaan:-

- (a) apakah usaha dan program yang dibuat oleh Kerajaan bagi memperkasakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor awam dan swasta; dan
- (b) sejauh mana komitmen Kerajaan dalam menjamin kedudukan bahasa kebangsaan akan terus dijangka.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) menghuraikan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa bagi maksud rasmi yang perlu digunakan dalam segala urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Awam.

Dalam usaha kerajaan memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sektor awam dan swasta, pelbagai langkah telah dilaksanakan antaranya termasuklah Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang merupakan acara tahunan negara bagi



memperkasakan bahasa kebangsaan. Pelbagai aktiviti BBK yang menyeluruh, teratur dan berterusan telah diadakan sepanjang tahun, sama ada pada peringkat negeri ataupun kebangsaan dengan penglibatan seluruh lapisan masyarakat pelbagai kaum, agensi, organisasi awam dan swasta.

Seiring dengan sambutan BBK, program Kembara Bahasa dilaksanakan dengan pelibatan daripada pelbagai golongan masyarakat daripada sektor awam, swasta, persatuan penulis hinggalah badan bukan kerajaan. Program yang signifikan dengan menjelajah serata pelosok negara dengan satu tujuan, iaitu merakyatkan bahasa dan sastera sebagai wadah penguat jati diri dalam kalangan bangsa Malaysia.

Program Penerbitan Berpakej (kaedah pembinaan manuskrip secara berpakej) giat dipromosikan oleh DBP dan mendapat kerjasama pelbagai pihak seperti institusi pengajian tinggi awam dan agensi kerajaan selaras dengan matlamat negara untuk menerbitkan sekurang-kurangnya 28,000 judul buku baharu setiap tahun bagi mencapai tanda aras negara maju.

Selain itu, DBP melaksanakan dua program teras perkhidmatan, iaitu khidmat nasihat dan khidmat pengesahan bahasa. Khidmat Nasihat DBP (KNDBP) disediakan dalam talian dan merangkumi nasihat tentang bahasa sastera, dan penerbitan.

Mulai tahun 2012, DBP melaksanakan Program Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam dengan kerjasama JPA sebagai susulan daripada arahan YAB Timbalan Perdana Menteri untuk memantau pelaksanaan Pekeliling Bilangan 9 Tahun 2011.

Audit bertujuan untuk membuat penilaian tentang tahap dan mutu bahasa Melayu yang digunakan bagi maksud urusan rasmi dalam negara, urusan rasmi antarabangsa, pengiklanan kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan kaunter, maklum balas aduan dalam akhbar dan isu media massa serta paparan dan peragaan.

Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK – PBT) diperkenalkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2013 sebagai pendekatan agar setiap PBT mematuhi undang-undang kecil, dasar serta garis panduan berhubung penggunaan bahasa kebangsaan di dalam premis PBT dan tempat awam. Pada tahun ini, SPBBK – PBT dilaksanakan oleh DBP dengan kerjasama KPKT bagi menambah baik mutu penggunaan bahasa kebangsaan dan menggiatkan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di tempat awam.

Bagi sektor swasta, Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP - Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah ditubuhkan untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan GLC, merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan warga GLC, dan bekerjasama dengan GLC dalam pembentukan dan penyelarasan istilah semasa.

DBP telah menubuhkan dua buah jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pemantauan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media elektronik dan Jawatankuasa Pemantauan Penggunaan

Bahasa Melayu dalam Media Cetak. Sebagai pedoman penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul, DBP bekerjasama dengan Institusi Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak telah menerbitkan buku "Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa" yang telah diedarkan kepada media penyiaran awam dan swasta. Manakala Pemantauan Penggunaan Bahasa Melayu di Lebuh Raya dilaksanakan dengan kerjasama beberapa syarikat konsesi lebuh raya, iaitu PLUS, DUKE, ANIH, dan KESAS.

- (b) Itizam Kerajaan untuk menjamin kedudukan bahasa kebangsaan akan terus dijulung sebagaimana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan dan pentadbiran negara. Jabatan Perdana Menteri pada 22 Disember 2005 telah mengedarkan Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2006, "Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam" yang bertujuan memaklumkan akan langkah-langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik, betul dan santun, serta memperluas penggunaannya secara menyeluruh dalam Perkhidmatan Awam, sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara yang pesat pada masa ini.

Bagi menegaskan semula pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam, terbaharu Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2011 : Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Sektor Awam pada 28 Oktober 2011. Pekeliling Perkhidmatan tersebut

mengandungi panduan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi di dalam negara, peringkat antarabangsa, pengiklanan kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan kaunter dan maklum balas aduan dan isu dalam media massa.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat pendidikan rendah dan pendidikan menengah kebangsaan. Dasar MBMMBI merupakan dasar penting untuk memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus berkembang dan memenuhi aspirasi keperluan akademik dan pendidikan negara. Pada peringkat pendidikan tinggi pula, Kerajaan telah melancarkan Pelan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian tinggi Awam pada 2011.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013-2025) diperkenalkan bagi menambah baik pelaksanaan sistem pendidikan negara. Beberapa langkah dilaksanakan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan untuk menghasilkan murid yang menguasai kemahiran berbahasa Malaysia.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha (KSU) beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor

berimpak tinggi. Tugas utama Jawatankuasa ini adalah untuk memastikan agar martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus dipelihara dan dipertahankan di semua jabatan, agensi kerajaan dan sektor berimpak tinggi. 12 sektor yang diberikan tumpuan ialah perkhidmatan awam; tempat awam; pendidikan; perdagangan dan kepenggunaan; kewangan dan insurans; sumber manusia; belia dan sukan; pelancongan; sains, teknologi dan inovasi; kerja raya dan pengurusan ICT sektor awam.

Malahan, Kerajaan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-67 pada 4 Mac 2014 meluluskan kertas cadangan Penguatkuasaan Pengesahan Bahasa Melayu oleh DBP dalam Iklan di Tempat Awam. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengeluarkan permit kelulusan kepada pengiklan setelah iklan tersebut disahkan penggunaan bahasanya oleh DBP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**SOALAN : 40**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta  
MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai cadangan daripada pihak tertentu supaya perkhidmatan penerbangan MAS tidak menghidangkan arak dan pakaian pramugari (Muslim) perlu menutup aurat.

## JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan penjualan arak dan lain-lain minuman keras di dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna MAS menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Pihak DCA menyatakan salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu memakai pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Dalam hubungan ini, MAS telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari MAS yang merupakan baju kebaya adalah mencerminkan budaya Malaysia di mana pakaian tersebut menjadi indentiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh MAS.

Kementerian Pengangkutan telah pun meminta semua syarikat penerbangan negara untuk membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari beragama Islam memakai pakaian yang menepati dengan syariah Islam.